

14 APR 2000

Effendi-MAHA

MAHA 2000 AKAN JADI PAMERAN BERTARAF ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Kementerian Pertanian akan memastikan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan berasaskan Pertanian Malaysia 2000 (MAHA 2000) Julai ini dapat menarik lebih banyak penyertaan asing.

Menteri Pertanian Datuk Mohamed Effendi Norwawi berkata MAHA 2000 diharap dapat menarik penyertaan daripada para pengeluar komoditi dan jentera pertanian dari seluruh dunia dalam usaha menjadikan pameran itu bertaraf antarabangsa.

Hasrat menjadikan MAHA 2000 bertaraf antarabangsa adalah selaras dengan wawasan kerajaan untuk memodenkan sektor pertanian di negara ini dengan pengeluaran hasil pertanian secara besar-besaran melalui kerjasama sektor swasta, katanya.

"Tahun ini kita ingin adakan ekspo di peringkat yang lebih tinggi dan kita harapkan mereka (pengeluar) akan dapat menunjukkan barangan keluaran terkini dan bermutu tinggi serta mencapai standard antarabangsa untuk pembeli dalam dan luar negeri," katanya kepada pemberita selepas melancarkan MAHA 2000 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

MAHA 2000 akan berlangsung di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil antara 22 dan 30 Julai depan dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ekspo yang pertama kali dianjurkan pada 1968 itu dan dihidupkan semula tahun lepas, menarik penyertaan 250 pelbagai pengeluar berkaitan sektor pertanian termasuk industri pelancongan berasaskan pertanian dengan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM5 juta.

Penganjur acara MAHA 2000, Happening Event Sdn Bhd, menjangkakan MAHA kali ini akan menarik penyertaan 300 pengeluar tempatan dan 15 negara lain. Acara baru yang akan diadakan kali ini ialah "Pesta Buah-buahan".

Effendi berharap peserta ekspo kali ini akan dapat mempamerkan hasil penyelidikan dan pembangunan dalam sektor pertanian seperti teknologi, penemuan baru serta khidmat perisian dan perkakasan.

MAHA 2000 menetapkan sasaran untuk menarik ramai pelabur baru sektor pertanian mengunjungi pameran berkenaan bagi mendapatkan teknologi terkini yang boleh digunakan dalam kegiatan pertanian moden, katanya.

Katanya kumpulan sasaran lain ialah pembeli komoditi pertanian dari dalam dan luar negeri yang berminat mendapatkan barangan keluaran bermutu tinggi negara.

"Harapan kita ialah supaya MAHA 2000 akan menarik ramai pelabur baru dalam sektor pertanian yang menggunakan teknologi baru bagi menjayakan hasrat dan wawasan baru pertanian negara dan MAHA akan menjadi landasan untuk mencapai hasrat ini," katanya.

Beliau berkata MAHA 2000 juga akan mendapat kerjasama daripada beberapa syarikat swasta tempatan yang terbabit dalam sektor pertanian termasuk Kumpulan Permodalan Nasional Berhad dan Kumpulan Sime Darby Berhad.

-- BERNAMA

RZS LAT